



Alumni UPM Tingkat Komitmen Bantu UPM



Presiden Pusat Alumni UPM, Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Jamalullail beramah-mesra dengan mantan Naib Canselor UPM Pertama, Tan Sri Rashdan Baba.

SERDANG, 21 Feb – Seramai 1,040 alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) yang hadir ke program UPM Alumni Reunion - Celebrating 7 Decades of Alumni di sini menunjukkan komitmen untuk melestarikan hubungan baik dengan UPM bagi membantu UPM mengekalkan status universiti penyelidikan terkemuka negara dan di peringkat antarabangsa.

Presiden Pusat Alumni UPM, Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Jamalullail berkata komitmen UPM menginstutuskan alumni sebagai komponen penting dalam strategi pembangunannya wajar dihargai.

"Kami akan memastikan dapat mewujudkan barisan pemimpin persatuan peringkat muda yang komited untuk membantu UPM dan ahli alumni.

"Kekuatan Alumni UPM adalah dalam sektor pertanian, perbankan, industri makanan dan sektor lain akan dapat menyokong pembangunan UPM," katanya dengan memberi contoh kejayaan lahirnya pemimpin dalam sektor tersebut sejak zaman Sekolah Pertanian diwujudkan pada tahun 1931.

Sementara itu Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dalam ucapannya pada majlis tersebut berkata kehadiran tokoh-tokoh alumni yang terbilang memberi contoh kepada alumni terkini untuk mendokong wawasan universiti menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa.

"Warisan kecemerlangan generasi terdahulu akan terus disokong dan ditambahbaik untuk meningkatkan reputasi dan imej universiti sebagai sebuah institusi intelektual yang disegani," katanya.

Dr. Nik Mustapha berkata selaras dengan matlamat UPM untuk memperkasakan UPM melalui alumni, universiti telah menetapkan tarikh 21 Mei iaitu tarikh penubuhan institusi tersebut di Serdang sebagai Hari Alumni yang akan disambut pada setiap tahun.

Beliau berkata banyak perkongsian idea dan pengetahuan antara alumni dan universiti serta program akan dilaksanakan untuk kepentingan bersama bagi menyemarakkan lagi semangat setia dan keiktian dalam kalangan alumni.

Seorang wakil alumni iaitu, Datin Paduka Dr. Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir daripada alumni 1990 yang merupakan wanita Asia pertama ke Antartika turut hadir pada majlis tersebut.

Beliau berkata program alumni tersebut dapat mengembalikan sejarah dan kenangan menimba ilmu di UPM selain mengeratkan silaturahim antara satu sama lain.

"Saya amat berbangga kerana dapat menyumbang bakti dalam apa cara yang termampu, walaupun tidak dengan wang ringgit, setidak-tidaknya kehadiran saya menambahkan serinya majlis ini," katanya yang terharu kerana namanya disebut dalam teks ucapan.

Beliau turut berpesan kepada pelajar UPM supaya mencari seberapa banyak ilmu dan pengalaman semasa menuntut dan tidak mengabaikan aspek kokurikulum kerana terlalu memfokuskan pencapaian akademik.

Pada majlis tersebut, majalah alumni UPM Serdang Sun dilancarkan hasil kerjasama Pusat Alumni dengan Persatuan Alumni UPM (PAUPM) akan diberi nafas baru sebagai media perhubungan antara UPM dengan alumni tempatan dan luar negara.

Pelancaran maskot alumni Bull adalah simbolik yang melambangkan kekuatan dan kekentalan semangat alumni UPM.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah mantan Naib Canselor UPM pertama, Tan Sri Datuk Dr. Rashdan Baba, Pengerusi PFM Capital Sd. Bhd, Tan Sri Datuk Dr. Arshad Ayub, Pengarah Kumpulan Urusan Chemical Company of Malaysia, Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin, Penasihat Tradewinds Plantation Bhd, Dato' Dr. Muhd Noor Ismail dan Presiden Avon Malaysia, Wan Mansoor Wan Abdullah.

Penubuhan Universiti Putra Malaysia mula dikesan sejak penubuhan Sekolah Pertanian pada 21 Mei 1931 yang memberi tumpuan dan penekanan kepada bidang pertanian di Tanah Melayu dan dinaiktaraf menjadi Kolej Pertanian Malaya pada 23 Jun 1947.

Universiti Pertanian Malaysia ditukar kepada nama baru iaitu Universiti Putra Malaysia pada 3 April 1997 oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohammad.



Antara wakil alumni UPM setiap dekad yang hadir pada malam UPM Alumni Reunion - Celebrating 7 Decades of Alumni.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.

